

**NIAT DAN SIKAP PEMBERIAN ALUMNI DI
UNIVERSITI AWAM MALAYSIA: APLIKASI
TEORI LANJUTAN TINGKAH LAKU
TERANCANG**

CHAI CHENG CHEE @ CLEMENTINIE CHAI

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

2024

**NIAT DAN SIKAP PEMBERIAN ALUMNI DI
UNIVERSITI AWAM MALAYSIA: APLIKASI
TEORI LANJUTAN TINGKAH LAKU
TERANCANG**

oleh

CHAI CHENG CHEE @ CLEMENTINIE CHAI

**Tesis ini diserahkan untuk
memenuhi keperluan bagi
Ijazah Doktor Falsafah**

Mac 2024

DEDIKASI KHAS

Buat Nenek dan Datuk tercinta,

Teo Min Jin

Tan Boon Chong

Buat Ibu dan Ayah yang dikasihi,

Tan Bee Su binti Tan Boon Chong

Chai Kok Keong

Buat Abang, Kakak, Adik dan Anak Saudara tersayang,

Dennis

Felixia

Rebecca

Stephanie

Flawiinah

PENGHARGAAN

Pertama sekali, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Professor Dr. Azlan Amran selaku penyelia atas tunjuk ajar, sokongan, dorongan, bantuan dan kesabaran yang luar biasa. Usaha yang berterusan ini telah memberikan wawasan dan pemahaman mendalam serta membimbing saya melalui setiap proses penyelidikan daripada peringkat awal kajian hingga penyerahan akhir tesis. Saya amat bertuah kerana mempunyai Penyelia berwibawa dan peluang yang dimiliki merupakan penghormatan besar buat diri saya. Sekalung penghargaan juga untuk Dr. Ooi Say Keat, Penyelia Bersama, yang selalu memberikan bimbingan terutamanya dalam bab metodologi dan analisis statistik menggunakan perisian PLS-SEM.

Ijazah Kedoktoran ini saya hadiahkan buat keluarga tercinta. Kalungan kasih kepada ibu, Tan Bee Su binti Tan Boon Chong, atas segala doa dan kasih sayang yang dicurahkan di saat susah mahupun senang sepanjang menyiapkan tesis ini. Terima kasih juga kepada adik-beradik tersayang (Dennis, Felixia, Rebecca, Stephanie dan anak saudara, Flawiinah) atas sokongan moral, motivasi dan kepercayaan yang diberikan. Saya juga berharap mendoakan nenek, datuk dan ayah saya (Teo Min Jin, Tan Boon Chong dan Chai Kok Keong) tumpang berbangga dengan pencapaian saya ini. Tidak dilupakan juga kepada ahli keluarga terdekat, walaupun saya tidak mampu menulis setiap nama anda. Tanpa doa dan sokongan anda semua, adalah mustahil untuk saya mencapai impian ini.

Buat sahabat, Nur Annisa binti Abdul Muttalib sekeluarga, tidak terbalas segala budi, layanan dan suntikan semangat yang diberikan selama ini. Ia akan menjadi

kenangan terindah dan pengikat silaturahim antara kita. Bak kata pepatah: *“Hutang emas boleh dibayar, hutang budi dibawa ke mati”*.

Setinggi-tinggi penghargaan kepada Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia (JPA) atas kepercayaan dan peluang yang diberikan untuk melanjutkan pengajian di peringkat Doktor Falsafah menerusi penganugerahan Hadiah Latihan Persekutuan (HLP). Terima kasih juga kepada Universiti Sains Malaysia (USM) yang telah menyediakan fasiliti terbaik dalam kelancaran penyediaan tesis ini. Sekalung penghargaan kepada Puan Noor Azlina binti Khalid, kakitangan Jabatan Bendahari USM, Pusat Pengajian Siswazah Perniagaan (GSB), Perpustakaan USM dan Pusat Pembangunan Alumni USM atas kerjasama serta bantuan yang diberikan sepanjang pengajian saya di GSB, USM.

Sekalung budi dan terima kasih kepada Prof. Madya. Dr. Ellisha Nasuddin dan Prof. Madya. Dr. Salmi Mohd Isa (pemeriksa dalam, USM) dan Prof. Madya Dr. Zailin Zainal Ariffin (pemeriksa luar, UPM) yang telah memberikan saya banyak input dan cadangan yang amat berguna untuk menambah baik kajian saya. Ucapan terima kasih juga ditujukan kepada Joanne Teddy Chian sekeluarga, Muhajirah Muchlish dan rakan-rakan lain yang secara langsung atau tidak langsung telah membantu saya dalam apa jua perkara ke arah menyiapkan penyelidikan ini. Malangnya, tidak mungkin untuk saya menyenaraikan kesemuanya dalam ruang terhad ini.

Akhir kata, saya bersyukur atas segala yang dikecapi dan lalui sepanjang proses penyediaan tesis ini. Semoga tesis ini memberikan manfaat dan kontribusi positif bagi perkembangan ilmu pengetahuan.

Dari lubuk hati saya, terima kasih.

JADUAL KANDUNGAN

PENGHARGAAN.....	ii
JADUAL KANDUNGAN	iv
SENARAI JADUAL	xii
SENARAI RAJAH.....	xiv
SENARAI SINGKATAN	xv
SENARAI LAMPIRAN.....	xvi
ABSTRAK	xvii
ABSTRACT	xix
BAB 1 PENGENALAN	1
1.1 Latar belakang	1
1.2 Pernyataan Masalah.....	6
1.3 Persoalan Kajian.....	12
1.4 Objektif Kajian	13
1.5 Kepentingan Kajian.....	14
1.5.1 Kepentingan Teoretikal	14
1.5.2 Kepentingan Praktikal	16
1.6 Skop Kajian	17
1.7 Definisi Istilah dan Operasi.....	17
1.7.1 Niat Pemberian Alumni	17
1.7.2 Pengalaman Pelajar.....	18
1.7.3 Reputasi Institusi	18
1.7.4 Sikap Terhadap Pemberian	18
1.7.5 Norma Subjektif.....	18
1.7.6 Memudahkan Keadaan	18
1.7.7 Keupayaan Kewangan	19

1.8	Struktur Tesis	19
1.9	Kesimpulan.....	21
BAB 2 GAMBARAN KESELURUHAN UNIVERSITI AWAM MALAYSIA DAN SOROTAN KAJIAN		22
2.1	Pengenalan	22
2.2	Sejarah dan Perkembangan Universiti Awam di Malaysia	22
2.3	Pendanaan Kerajaan kepada Universiti Awam di Malaysia	25
2.4	Kedermawanan Dalam Konteks Malaysia	28
2.5	Kajian Mengenai Pemberian Alumni	31
2.6	Kajian Lepas Mengenai Sumbangan Alumni di Malaysia.....	39
2.7	Kajian Lepas Berkaitan Pemberian Alumni Secara Teoritikai	45
2.7.1	Teori Penglibatan Pelajar (<i>Student Engagement Theory</i>).....	46
2.7.2	Teori Pengenalan Organisasi (<i>Organizational Identification Theory</i>)	46
2.7.3	Teori Pemberian Dermawan-Perkhidmatan (<i>Services-Philanthropic Theory</i>).....	47
2.7.4	Teori Keterlibatan Pelajar (<i>Student Involvement Theory</i>)	48
2.7.5	Teori Pergantungan Sumber (<i>Resource Dependency Theory</i>).....	49
2.7.6	Teori Kognitif Sosial (<i>Social Cognitive Theory</i>).....	49
2.7.7	Teori Tingkah Laku Beralasan (<i>Theory of Reasoned Action</i>)	50
2.7.8	Teori Pertukaran Sosial (<i>Social Exchange Theory</i>).....	51
2.7.9	Teori Tingkah Laku Terancang (<i>Theory of Planned Behaviour</i>) ..	51
2.8	Kesimpulan.....	52
BAB 3 KERANGKA TEORETIKAL DAN PEMBANGUNAN HIPOTESIS		53
3.1	Pengenalan	53
3.2	Teori Yang Mendasari Kajian	53
3.2.1	Teori Pertukaran Sosial (<i>Social Exchange Theory</i>).....	54
3.2.2	Teori Tingkah Laku Terancang (<i>Theory of Planned Behaviour</i>) ..	61

3.3	Kajian Berkaitan Niat Tingkah Laku Alumni	76
3.4	Jurang Penyelidikan (<i>Research Gaps</i>)	81
3.5	Pemboleh Ubah Berkaitan Kajian	85
3.5.1	Niat Pemberian Alumni	86
3.5.2	Pengalaman Pelajar.....	86
3.5.3	Reputasi Institusi	88
3.5.4	Sikap Terhadap Pemberian	89
3.5.5	Norma Subjektif.....	90
3.5.6	Memudahkan Keadaan	90
3.5.7	Pemboleh Ubah Penyederhana - Keupayaan Kewangan.....	92
3.6	Kerangka Teoretikal Kajian	93
3.7	Pembangunan Hipotesis	94
3.7.1	Pengalaman Pelajar dan Sikap Terhadap Pemberian.....	95
3.7.2	Reputasi Institusi dan Sikap Terhadap Pemberian	96
3.7.3	Sikap Terhadap Pemberian dan Niat Pemberian Alumni	96
3.7.4	Norma Subjektif dan Niat Pemberian Alumni.....	97
3.7.5	Memudahkan Keadaan dan Niat Pemberian Alumni	97
3.7.6	Keupayaan Kewangan Sebagai Penyederhana bagi Hubungan Antara Sikap Terhadap Pemberian dan Niat Pemberian Alumni ..	98
3.7.7	Keupayaan Kewangan Sebagai Penyederhana bagi Hubungan antara Norma Subjektif Terhadap Pemberian dan Niat Pemberian Alumni	99
3.7.8	Kesimpulan	100
BAB 4	METODOLOGI	102
4.1	Pengenalan	102
4.2	Reka Bentuk Penyelidikan	102
4.2.1	Falsafah Penyelidikan: Positivisme	107
4.2.2	Pendekatan Penyelidikan: Deduktif.....	109

4.2.3	Pilihan Metodologi, Strategi Penyelidikan dan Ufuk Masa	110
4.2.3(a)	Pilihan Metodologi: Kaedah Kuantitatif.....	110
4.2.3(b)	Strategi Penyelidikan: Tinjauan.....	112
4.2.3(c)	Ufuk Masa: Keratan Rentas.....	113
4.2.4	Kaedah Pengumpulan Data: Soal Selidik	114
4.3	Reka Bentuk Sampel Kajian	115
4.3.1	Populasi.....	116
4.3.2	Sampel dan Unit Analisis	117
4.3.3	Kerangka Pensampelan.....	118
4.3.4	Kaedah Pensampelan	118
4.3.5	Penentuan Saiz Pensampelan.....	121
4.3.6	Pembangunan Soal Selidik	124
4.4	Pengukuran Pemboleh Ubah dan Konstruk	127
4.4.1	Instrumen Soal Selidik.....	129
4.4.2	Praujian	130
4.4.3	Reka Bentuk Semula Soal Selidik Berdasarkan Maklum Balas Pakar	131
4.4.4	Reka Bentuk Semula Soal Selidik Berdasarkan Maklum Balas Responden.....	133
4.5	Reka Bentuk Soal Selidik.....	134
4.5.1	Struktur Soal Selidik Kajian	135
4.5.1(a)	Bahagian A - Demografi Responden.....	136
4.5.1(b)	Bahagian B - Niat Untuk Memberi (Pemboleh Ubah Bersandar).....	136
4.5.1(c)	Bahagian C - Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Pemberian Alumni (Pemboleh Ubah Tidak Bersandar)	137
4.5.1(d)	Bahagian D - Keupayaan Kewangan (Pemboleh Ubah Penyederhana).....	142
4.6	Kajian Rintis.....	143

4.6.1	Pensampelan Untuk Kajian Rintis	144
4.6.2	Keputusan Kajian Rintis	145
4.7	Proses Pengumpulan Data	146
4.8	Pemeriksaan Data	148
4.8.1	Bias Kaedah Biasa (<i>Common Method Bias</i>).....	149
4.8.2	Varians Kaedah Biasa (<i>Common Method Variance</i>).....	151
4.9	Analisis Data	152
4.9.1	Analisis Statistik Menggunakan SPSS	152
4.9.2	Analisis Statistik Menggunakan Pemodelan Persamaan Berstruktur (SEM)	153
4.10	Justifikasi Mengguna Kaedah Separa Terkecil Permodalan Persamaan Berstruktur (PLS-SEM).....	155
4.11	Penilaian Keputusan Model Laluan PLS (<i>Evaluation of PLS Path Model Result</i>).....	156
4.11.1	Penilaian Model Pengukuran (<i>Assessment of the Measurement Model</i>).....	157
4.11.1(a)	Kebolehpercayaan Konsistensi Dalaman (<i>Internal Consistency Reliability</i>).....	157
4.11.1(b)	Kebolehpercayaan Petunjuk (<i>Indicator Reliability - Outer Loadings</i>).....	158
4.11.1(c)	Kesahan Konvergen (<i>Convergent Validity</i>).....	159
4.11.1(d)	Kesahan Diskriminan (<i>Discriminant Validity</i>).....	159
4.11.2	Penilaian Model Pengukuran Formatif	161
4.11.2(a)	Langkah Pertama: Penilaian Kesahan Konvergen (<i>Convergent Validity</i>)	162
4.11.2(b)	Langkah Kedua: Penilaian Kolineariti antara Petunjuk (<i>Collinearity among Indicator</i>).....	162
4.11.2(c)	Langkah Ketiga: Penilaian Kepentingan dan Kesesuaian Petunjuk Formatif (<i>Significance and Relevance of Outer Weight</i>).....	162
4.12	Penilaian Model Berstruktur (<i>Assessment of the Structural Model</i>).....	164

4.12.1	Langkah Pertama: Penilaian Isu Kolineariti (<i>Assessment of Collinearity Issues - VIF</i>)	165
4.12.2	Langkah Kedua: Menilai Kepentingan dan Kaitan Perhubungan Struktur Anggaran Untuk Pekali Laluan (<i>Assessment The Significance and Relevance of The Structural Relationship - Nilai t</i>)	165
4.12.3	Langkah Ketiga: Penilaian Pekali Penentuan (<i>Assessment of Coefficient Determination - R²</i>).....	166
4.12.4	Langkah Keempat: Kesan Saiz (<i>Assessment of Effect size - f²</i>)...	166
4.12.5	Langkah Kelima: Penilaian Ramalan Kerelevanan (<i>Assessment of Predictive Relevance - Q²</i>).....	166
4.13	Menguji Pemboleh Ubah Penyederhana Dalam PLS.....	168
4.14	Kesimpulan.....	169
BAB 5	ANALISIS	171
5.1	Pengenalan	171
5.2	Analisis Data: Gambaran Keseluruhan	171
5.3	Penyertaan dan Kadar Respons	172
5.4	Profil Responden	173
5.5	Bias Kaedah Biasa/Varians (<i>Common Method Bias/Variance</i>).....	180
5.6	Statistik Deskriptif Konstruk Pendam.....	182
5.7	Penilaian Model Pengukuran	183
5.7.1	Penilaian Model Pengukuran Reflektif.....	184
5.7.1(a)	Kebolehpercayaan Konsistensi Dalaman (<i>Internal Consistency Reliability</i>).....	184
5.7.1(b)	Kebolehpercayaan Petunjuk (<i>Indicator Reliability</i>) - <i>Outer Loadings</i>	184
5.7.1(c)	Penilaian Kesahan Konvergen (<i>Convergent Validity</i>). 185	
5.7.1(d)	Penilaian Kesahan Diskriminan (<i>Discriminant Validity</i>)	186
5.7.2	Penilaian Model Pengukuran Formatif	187
5.7.2(a)	Pemboleh Ubah Formatif - Pengalaman Pelajar.....	188

5.7.2(b)	Pemboleh Ubah Formatif - Reputasi Institusi	190
5.8	Penilaian Model Berstruktur	192
5.8.1	Langkah Pertama: Penilaian Kolineariti (VIF).....	192
5.8.2	Langkah Kedua: Penilaian Pekali Laluan (<i>Path Coefficients</i>)	193
5.8.2(a)	Kesan Langsung Pemboleh Ubah Pengalaman Pelajar dan Reputasi Institusi	195
5.8.2(b)	Ujian Penyederhana	197
5.8.3	Langkah Ketiga: Penilaian Pekali Penentuan (R^2).....	198
5.8.4	Langkah Keempat: Penilaian Kesan Saiz (f^2).....	199
5.8.5	Langkah Kelima: Penilaian Ramalan Kerelevanan (Q^2)	200
5.9	Kesimpulan Hipotesis	201
5.10	Kesimpulan.....	202
BAB 6	RUMUSAN, PERBINCANGAN DAN CADANGAN.....	203
6.1	Pengenalan	203
6.2	Rumusan Dapatan Kajian.....	203
6.3	Perbincangan Dapatan Kajian	207
6.3.1	Pengalaman Pelajar dan Sikap Terhadap Pemberian.....	207
6.3.2	Reputasi Institusi dan Sikap Terhadap Pemberian	209
6.3.3	Sikap Terhadap Pemberian dan Niat Pemberian Alumni	210
6.3.4	Norma Subjektif dan Niat Pemberian Alumni.....	211
6.3.5	Memudahkan Keadaan dan Niat Pemberian Alumni	214
6.3.6	Peranan Keupayaan Kewangan Sebagai Penyederhana	215
6.3.6(a)	Peranan Penyederhana Keupayaan Kewangan Bagi Perhubungan Antara Sikap Terhadap Pemberian dan Niat Pemberian Alumni	216
6.3.6(b)	Peranan Penyederhana Keupayaan Kewangan Bagi Perhubungan Antara Norma Subjektif dan Niat Pemberian Alumni	217
6.4	Sumbangan Kajian	218

6.4.1	Sumbangan Kepada Teori.....	219
6.4.2	Sumbangan Kepada Literatur	221
6.4.3	Sumbangan Kepada Praktikal.....	221
6.4.4	Sumbangan kepada Polisi Kerajaan.....	225
6.5	Batasan Kajian.....	226
6.6	Cadangan Kajian Lanjutan	227
6.7	Kesimpulan Kajian	228
SENARAI RUJUKAN		231
LAMPIRAN		
SENARAI PENERBITAN		

SENARAI JADUAL

	Halaman
Jadual 1.1 Anggaran Peruntukan Mengurus Untuk Universiti Awam (2016 - 2022)	2
Jadual 1.2 Struktur Tesis.....	19
Jadual 2.1 Data Sokongan Sukarela Pengajian Tinggi oleh Alumni di Amerika Syarikat (<i>Voluntary Support of Higher Education</i>) Tahun 2016 - 2019	35
Jadual 3.1 Ringkasan Kajian Menggunakan Teori Lanjutan Tingkah Laku Terancang Bagi Niat Tingkah Laku Untuk Menderma Dari Tahun 2007 Hingga 2021	66
Jadual 3.2 Ringkasan Mengenai Peramal Niat Tingkah Laku Penderma Yang Digunakan Pada Kajian Lepas (Tahun 2007 – 2020).....	77
Jadual 3.3 Ringkasan Objektif dan Pembangunan Hipotesis	99
Jadual 4.1 Item Pengukuran Untuk Setiap Konstruk dan Sumber.....	124
Jadual 4.2 Keputusan Nilai <i>Cronbach' Alpha</i> bagi Sumber Soal Selidik	129
Jadual 4.3 Pandangan Pakar dan Pengubahsuaian Item Soal Selidik.....	131
Jadual 4.4 Item Pengukuran Untuk Pemberian Alumni	137
Jadual 4.5 Item Pengukuran Untuk Pengalaman Pelajar	138
Jadual 4.6 Item Pengukuran Untuk Reputasi Institusi.....	139
Jadual 4.7 Item Pengukuran untuk Sikap Terhadap Pemberian	140
Jadual 4.8 Item Pengukuran untuk Norma Subjektif.....	141
Jadual 4.9 Item Pengukuran untuk Memudahkan Keadaan.....	142
Jadual 4.10 Item Pengukuran untuk Keupayaan Kewangan	143
Jadual 4.11 Interpretasi Skor <i>Cronbach's Alpha</i>	146
Jadual 4.12 Skor <i>Cronbach's Alpha</i> Bagi Pemboleh Ubah Kajian	146

Jadual 4.13	<i>Rules of Thumb</i> dalam memilih antara PLS-SEM dan CB-SEM.....	154
Jadual 4.14	Ringkasan Indeks untuk Model Pengukuran bagi PLS-SEM	160
Jadual 4.15	Ringkasan Garis Panduan Kesahan Untuk Menilai Model Pengukuran Formatif	163
Jadual 4.16	Indeks untuk Analisis Model Struktur Menggunakan PLS-SEM	167
Jadual 5.1	Ringkasan Profil Responden (n=235)	173
Jadual 5.2	<i>Harman's Single Factor Test - Total Explained Extraction Method: Principal Component Analysis</i>	181
Jadual 5.3	Statistik Deskriptif Konstruk Pendam	182
Jadual 5.4	Keputusan Model Pengukuran	185
Jadual 5.5	Ujian Kesahan Diskriminan - HTMT	187
Jadual 5.6	Sifat Pengukuran Untuk Konstruk Formatif Pengalaman Pelajar	190
Jadual 5.7	Sifat Pengukuran Untuk Konstruk Formatif Reputasi Institusi.....	191
Jadual 5.8	Nilai VIF Dalaman	193
Jadual 5.9	Keputusan Pekali Laluan dan Ujian Hipotesis	196
Jadual 5.10	Ringkasan Keputusan Pekali Jalan dan Ujian Hipotesis Untuk Kesan Penyederhana.....	197
Jadual 5.11	Pekali Penentuan (R^2).....	199
Jadual 5.12	Nilai f^2	200
Jadual 5.13	Lewahan Silang Yang Disahkan Untuk Pemboleh Ubah Endogen..	201
Jadual 5.14	Ringkasan Keseluruhan Hipotesis dan Hasil Kajian	201

SENARAI RAJAH

	Halaman
Rajah 2.1 Kedudukan Lokasi Universiti Awam Malaysia	24
Rajah 3.1 Model Teori Tingkah Laku Terancang.....	64
Rajah 3.2 Kerangka Teoretikal Kajian	93
Rajah 4.1 Bawang Penyelidikan (<i>Research Onion</i>).....	104
Rajah 4.2 Proses Instrumen Kajian.....	107
Rajah 4.3 Pemilihan Metodologi Penyelidikan	111
Rajah 4.4 Proses Reka Bentuk Pensampelan.....	116
Rajah 4.5 Kaedah Pensampelan.....	119
Rajah 4.6 Keputusan G*Power untuk penentuan saiz sampel.....	123
Rajah 5.1 Model Pengukuran Reflektif	187
Rajah 5.2 Keputusan PLS Bagi Pemboleh Ubah Formatif Pengalaman Pelajar	189
Rajah 5.3 Keputusan PLS Bagi Pemboleh Ubah Formatif Reputasi Institusi ..	191
Rajah 5.4 Model Berstruktur	198

SENARAI SINGKATAN

TPB	Teori Tingkah Laku Terancang
SET	Teori Pertukaran Sosial
MOF	Kementerian Kewangan Malaysia
KPT	Kementerian Pendidikan Tinggi
BBP	Badan Berkanun Persekutuan
UA	Universiti Awam
PSPTN	Pelan Strategik Pembangunan Tinggi Negara
PPPM(PT)	Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi)
UniTPPB	Buku Ungu Pelan Transformasi Universiti
PP	Pengalaman Pelajar
RI	Reputasi Institusi
STP	Sikap Terhadap Pemberian
NS	Norma Subjektif
MK	Memudahkan Keadaan
NPA	Niat Pemberian Alumni
KK	Keupayaan Kewangan
SEM	Permodalan Persamaan Berstruktur
PLS	Kaedah Separa Terkecil
H	Hipotesis

SENARAI LAMPIRAN

Lampiran A Borang Soal Selidik

Lampiran B Surat Permohonan Mendapatkan Data Maklumat Alumni Dari Pusat
Alumni Universiti Awam di Malaysia

**NIAT DAN SIKAP PEMBERIAN ALUMNI DI UNIVERSITI AWAM
MALAYSIA: APLIKASI TEORI LANJUTAN TINGKAH LAKU
TERANCANG**

ABSTRAK

Kerajaan Malaysia telah menurunkan amaun pembiayaan tahunan bagi membiayai kos operasi universiti awam di negara ini secara beransur-ansur sebanyak 5 peratus antara tahun 2016 - 2020 dan 10 peratus selepas tahun 2020. Penglibatan alumni sebagai sumber pendapatan tambahan amat diperlukan memandangkan jumlah graduan yang bergelar alumni meningkat setiap tahun. Oleh itu, pemahaman mengenai niat alumni untuk memberi sumbangan amat diperlukan sekiranya pihak universiti awam ingin memperoleh dana daripada alumni mereka bagi mewujudkan kelestarian hasil melalui aliran ini. Kajian ini mengkaji hubungan antara pengalaman pelajar, reputasi institusi, sikap terhadap pemberian, norma subjektif, memudahkan keadaan dan keupayaan kewangan terhadap niat pemberian alumni di universiti awam Malaysia. Kajian ini mencadangkan model teori lanjutan tingkah laku terancang baharu untuk mengenal pasti niat pemberian alumni di universiti awam Malaysia yang dibina berdasarkan gabungan teori pertukaran sosial dan teori tingkah laku terancang. Sebagai sebuah kajian kuantitatif, beberapa orang ahli akademik dijadikan pakar rujuk untuk menentusahkan soal selidik yang digunakan dalam kajian ini sebelum diedarkan. Aplikasi SmartPLS versi 3.2.9 digunakan untuk membuat pendekatan pemodelan persamaan struktur dan kaedah kuasa dua terkecil separa (PLS-SEM) bagi menilai hipotesis perhubungan untuk kajian ini. Responden kajian ini terdiri daripada 235 orang alumni yang bergraduasi daripada universiti awam Malaysia dan tidak pernah menyumbang kepada institusi pengajian tinggi mereka. Hasil kajian mendapati dua

faktor iaitu pengalaman pelajar serta reputasi institusi mempunyai korelasi positif dan signifikan ke atas sikap terhadap pemberian. Selain itu, sikap terhadap pemberian nyata sekali mempunyai pengaruh positif terhadap niat pemberian alumni kepada alma mater mereka. Kajian ini memberikan tiga implikasi utama iaitu implikasi terhadap pembangunan teori iaitu kajian ini menyumbang kepada perkembangan ilmu berkaitan teori lanjutan tingkah laku terancang dan teori pertukaran sosial dengan membentuk, menyemak dan mengesahkan sebuah model kajian holistik niat pemberian alumni kepada universiti awam Malaysia yang mampu menjadi asas kerangka teori kajian pada masa hadapan. Secara praktikalnya, kajian ini memberi implikasi dan sumbangan penting kepada Kerajaan dan universiti awam Malaysia dalam merangka pelan strategik yang lebih holistik dan mencari kaedah terbaik untuk menarik minat lebih ramai alumni tampil memberi sumbangan secara berterusan sekali gus dapat meningkatkan sumbangan alumni kepada universiti dengan lebih mampan pada masa hadapan. Ketiga, kajian ini juga menyumbang kepada polisi Kerajaan iaitu kajian dapat diaplikasikan dalam Buku Ungu Pelan Transformasi Universiti (UniTPPB) dan peralihan kelima dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Tinggi Negara (Pendidikan Tinggi) 2015 - 2025 yang menumpu kepada isu kelestarian kewangan universiti melalui sumbangan alumni. Implikasi dan sumbangan kajian ini diharap menjadi panduan kepada pengkaji akan datang untuk mengkaji perbandingan niat pemberian alumni antara alumni universiti awam dengan universiti swasta dan menggunakan kaedah gabungan kuantitatif dan kualitatif. Selain itu, model teori lanjutan tingkah laku terancang bagi kajian niat dan sikap pemberian alumni boleh dikembangkan lagi dengan menguji pemboleh ubah tambahan yang dapat meningkatkan niat pemberian alumni di universiti awam Malaysia.

**ALUMNI'S GIVING INTENTION AND ATTITUDE IN MALAYSIA
PUBLIC UNIVERSITIES: APPLICATION OF EXTENDED THEORY OF
PLANNED BEHAVIOR**

ABSTRACT

The government of Malaysia had gradually reduced the amount of annual financing of operational cost for public universities in this country by 5% between 2016 to 2020 and 10% after 2020. The involvement of alumni as additional source of income is essential as graduates that became alumni increases every year. Therefore, an understanding of the alumni's behavioural intentions is essential if public universities intend to obtain funding from their alumni. This study examines the relationship between student experience, institutional reputation, attitude towards giving, subjective norms, facilitating conditions and financial ability towards alumni's giving intentions to Malaysian public universities. Based on the framework of the study, this study proposed a new model of extended theory of planned behavior to identify alumni's giving intention in Malaysia public universities from the integration of both the social exchange theory and theory of planned behavior. Due to its quantitative nature, several academics experts were used as reference to verify the questionnaire used in this study before it was distributed. Structural equation modelling (SEM) and partial least squares (PLS) [PLS-SEM] approaches using SmartPLS software version 3.2.9 were used to measure the relationship hypothesis using 235 respondents who are alumni that graduated from Malaysian public universities and have never contributed to their alma mater. The findings found that two factors namely student experience and institutional reputation have positive and significant relationships with attitude towards giving. Moreover, attitude towards

giving evidently has a positive influence on the alumni's giving intention to their alma maters. This research showed three main implications on theory building by which this research has contributed on the development of knowledge on advanced theory of planned behaviour and social exchange theory by creating, revising and verifying a holistic research model on alumni's attitude towards giving to public universities in Malaysia which then can be utilized as basic theoretical framework for future purposes. This research has practically given vital contributions and implications to the government and public universities in Malaysia on drafting a holistic strategic plan and to find the best method to attract more alumni to step forward and continuously contribute and simultaneously increase the alumni contribution to universities in the future. Thirdly, this research also contributed to government policy in which this research can be applied on Buku Ungu Pelan Transformasi Universiti (UniTPPB) and the fifth phase of National Education Blueprint (Higher Education) 2015 - 2025 which focus on the issues of university's financial sustainability through alumni giving. Hopefully the outcome and contributions of this research will act as a guidance for future researchers to study the comparison on giving attitude between alumni of public and private universities as well as utilized the combination of quantitative and qualitative method. Furthermore, the usage of theory of planned behaviour model for the research of intention and attitude of alumni giving can be expanded by examining the additional variables which then can increase the intentions of giving among alumni in public universities in Malaysia.

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Latar belakang

Sepanjang sedekad yang lalu, pendidikan tinggi telah mengalami pertumbuhan yang ketara (British Council & Oxford Economics, 2012). Malaysia juga tidak terkecuali dengan fenomena ini kerana banyak universiti awam telah ditubuhkan di semua negeri sejak 1990-an. Rentetan itu, semakin banyak kebimbangan telah dibangkitkan tentang cara membiayai pendidikan tinggi pada kala keadaan persekitaran ekonomi global yang tidak menentu (Bowl & Hughes, 2016). Struktur kewangan yang kukuh dan aliran pendapatan yang stabil akan dapat memenuhi pelbagai misi universiti sekaligus dapat meningkatkan daya saing dalam konteks persekitaran global yang semakin rumit (Sazonov et al., 2015; Estermann & Pruvot, 2011; Deloitte, 2021).

Berdasarkan keadaan ekonomi semasa dunia yang tidak menentu dan kekangan belanjawan Kerajaan Persekutuan, hampir semua negara mula mengurangkan peruntukan kepada universiti awam serata dunia (World Bank Group, 2017; Deloitte, 2011; UNESCO, 2022a). Selain itu, pandemik Coronavirus 2019 (COVID-19) dan kesan makroekonomi serta fiskal global dijangka memberikan tekanan dan cabaran yang sama atau lebih besar ke atas peruntukan yang tersedia untuk universiti (Deloitte, 2021; Organisation for Economic Co-operation and Development [OECD], 2020; World Bank Group, 2017). Situasi ini memberi isyarat kepada universiti awam Malaysia agar tidak terlalu bergantung harap kepada bantuan daripada Kerajaan seperti yang peroleh sebelum ini (UNESCO, 2022a; Deloitte, 2011).

Dalam belanjawan tahunan Kerajaan, sektor pendidikan tinggi perlu bersaing dengan sektor lain yang juga memerlukan sokongan Kerajaan untuk beroperasi seperti pendidikan rendah, kesihatan, keselamatan, aktiviti pembangunan dan sebagainya (OECD, 2020; Council for Industry and Higher Education [CIHE], 2008). Sokongan Kerajaan kepada universiti awam di negara barat adalah minimum seperti United Kingdom iaitu sekitar 25%, manakala Australia dan New Zealand kira-kira 45% dan negara jiran Malaysia iaitu Singapura hanya menerima sokongan sekitar 75% (Shaari et al., 2019a). Senario ini memberi tekanan dan cabaran kepada universiti awam Malaysia kerana institusi ini masih memerlukan peruntukan besar daripada Kerajaan untuk menyokong perbelanjaan operasi harian mereka setiap tahun. Ini terbukti apabila Kerajaan telah menyediakan lebih RM6 bilion (90%) daripada anggaran bajet kepada universiti awam sejak 2007 (Ahmad et al., 2015; Muhammad et al., 2014b). Jurang kos selebihnya akan ditampung oleh universiti sendiri dengan menggunakan sumber pendapatan dalaman seperti yuran pelajar, faedah daripada pelaburan, sumbangan daripada penderma korporat dan awam (Abdul Kadir & Cotter, 2019; Muhammad et al., 2014a). Jadual 1.1 menunjukkan anggaran peruntukan mengurus Kerajaan Persekutuan kepada universiti awam dalam tempoh tujuh tahun terkini.

Jadual 1.1 Anggaran Peruntukan Mengurus Untuk Universiti Awam (2016 - 2022)

Tahun	Anggaran Peruntukan (RM)
2016	7,573,781,100
2017	6,117,472,300
2018	6,715,314,100
2019	6,858,993,000
2020	7,293,173,800
2021	7,531,298,000
2022	7,531,298,000

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia (MOF)

Kelestarian kewangan akan menjadi salah satu cabaran utama bagi universiti awam dalam dekad yang akan datang. Namun kelestarian tidak akan berjaya dengan sendirinya tanpa inisiatif daripada pihak Kerajaan serta pengurusan universiti berkenaan (Sazonov et al., 2015). Kelestarian kewangan bertujuan untuk memastikan universiti menjana pendapatan yang mencukupi, serta mempunyai aliran pendapatan yang sentiasa stabil supaya dapat membiayai perbelanjaan operasi harian, melaksanakan aktiviti pengajaran, pembelajaran dan penyelidikan sepanjang masa (OECD, 2020; Sazonov et al., 2015). Kebanyakan universiti awam telah mencari kaedah untuk mengurangkan kos operasi, meningkatkan kecekapan dan mempelbagaikan sumber pendapatan (Deloitte, 2018; Bloland, 2002). Kepelbagaian pendapatan merupakan alat untuk mencapai kelestarian kewangan (melalui sumber pendanaan baharu atau sedia ada) yang mampu memberi keseimbangan terhadap struktur pendapatan institusi (OECD, 2020; Estermann & Pruvot, 2011).

Oleh itu, penjana pelbagai pendapatan merupakan satu kemestian bagi universiti (Francioni et al., 2021; Bloland, 2002; Mora & Nugent, 1998) untuk memastikan proses pembelajaran dan pengajaran serta penyelidikan tidak terjejas, serta program yang ditawarkan mampu memberi impak yang besar kepada masyarakat, ekonomi serta negara (OECD, 2020). Berdasarkan Altbach dan Johnstone (1993), universiti yang hanya bergantung kepada satu jenis sumber pendapatan kurang daya saing berbanding universiti yang berjaya mempelbagaikan sumber pendapatan mereka. Pernyataan ini disokong oleh Chung-Hoon et al. (2005) dan mereka sependapat bahawa universiti perlu mempunyai aliran dana yang mencukupi melalui pelbagai sumber pendapatan bagi memastikan mereka mampu kekal berdaya saing dalam jangka panjang. Sehubungan itu, universiti perlu berani mengorak langkah untuk meneroka

sumber pendapatan lain serta mengurangkan pergantungan kepada peruntukan Kerajaan.

Selain berperanan membuat dasar dan peraturan universiti, pihak Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) juga berperanan merangka pelan strategik yang komprehensif untuk dijadikan panduan kepada semua universiti. KPT telah merangka dan melancarkan dua pelan pengajian tinggi iaitu; Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN) dilancarkan pada 2007 dan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) [PPPM(PT)] (2015 - 2025) (dilancarkan pada 2015) yang berperanan untuk memperkasa universiti awam termasuk memastikan kelestarian kewangan universiti dalam jangka masa panjang. PPPM(PT) 2015 - 2025 menggariskan sepuluh perubahan besar dalam pendidikan tinggi dan tumpuan utama berkaitan dengan bidang kewangan difokuskan dalam peralihan kelima yang menumpukan pada isu kelestarian kewangan universiti pada masa jangka panjang melalui endowmen, wakaf, kedermawan serta aktiviti pengumpulan dana.

Selaras dengan pelancaran PPPM(PT) 2015 - 2025, KPT kemudian melancarkan Buku Ungu Pelan Transformasi Universiti (UniTPPB) pada tahun 2016 sebagai garis panduan pengurusan universiti untuk meningkatkan penjanaan pendapatan daripada pelbagai alternatif untuk tujuan kelestarian kewangan universiti. Penderma alumni merupakan salah satu sasaran UniTPPB di bawah aktiviti kedermawanan di bawah wakaf. Ini menunjukkan bahawa pembuat dasar akan kepentingan sumbangan daripada kalangan alumni dalam membantu meningkatkan kelestarian kewangan universiti (Iskhakova et al., 2020; Taylor & Martin, 1995). Kashif et al. (2015) dan Weerts dan Ronca (2007) menyatakan bahawa sumbangan awam memainkan peranan penting dalam membiayai kewangan institusi.

Alumni merupakan sumber tersedia yang boleh digunakan oleh universiti awam Malaysia untuk memperoleh pendapatan sekali gus meminimumkan kebergantungan mereka terhadap geran Kerajaan (CASE, 2019; Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia, 2007; PPPM(PT), (2015 - 2025), 2015; Muhammad et al., 2014b). Kepentingan sumbangan alumni kepada universiti turut disokong oleh pengkaji lepas dalam kajian berkaitan sumbangan alumni kepada alma mater (Biedermann, 2020; Harvard, 2019; Monks, 2003; Sung & Yang, 2009; Leslie & Ramey, 1988; Gardner & van der Veer, 1998) kerana sumbangan mereka berjaya dilaksanakan secara berkesan di negara maju seperti Amerika Syarikat dan Britain (Muhammad et al., 2014a).

Mantan Menteri Pendidikan Malaysia iaitu Datuk Seri Idris Jusoh (2015) menyatakan bahawa dengan keadaan ekonomi negara yang lembap, universiti awam Malaysia perlu menerima realiti dengan mula mengkaji, melihat dan mempelajari cara-cara universiti di negara maju seperti Amerika dan Britain. Altbach dan Johnstone (1993) dan Harvard (2019) juga bersetuju bahawa universiti berupaya beroperasi melalui pembiayaan sokongan alumni mereka tanpa bantuan Kerajaan. Data menunjukkan bahawa institusi pengajian tinggi di Amerika Syarikat menerima dana tahunan sebanyak \$41.0 bilion (2016), \$43.6 bilion (2017), \$46.7 bilion (2018) dan \$49.6 bilion (2019) dan daripada dana ini, pemberian alumni menyumbang 24.2% (2016), 26.1 % (2017), 22.6% (2018) dan 24.2% (2019) CASE (2019). Data ini menunjukkan peningkatan dana tahunan institusi pengajian tinggi di Amerika Syarikat adalah dipengaruhi oleh sumbangan alumni iaitu antara 22.6% sehingga 26.1% daripada jumlah dana tahunan yang diterima oleh institusi tersebut. Selain itu, universiti di China turut menerima sumbangan daripada pihak luar terutamanya daripada alumni mereka. Data menunjukkan dari Januari 1980 kepada Jun 2021, universiti di China telah menerima dana sebanyak RMB128.8 bilion iaitu sekitar \$19.98 bilion. Daripada dana

tersebut, pemberian dari alumni adalah berjumlah RMB42.8 bilion (33.23%) (Mo & Zhu, 2022; Airuishen Research Institute, 2021).

Walaupun nilai pemberian alumni kepada universiti awam di Malaysia dilihat sebagai satu sumbangan yang kecil, tetapi ia merupakan sumber pendapatan yang penting untuk belanjawan universiti dan menjadi petunjuk komitmen alumni terhadap alma mater mereka. Kajian terhadap niat alumni untuk menyumbang kepada alma mater mereka merupakan bidang kajian baharu di Malaysia. Oleh itu, tumpuan kajian ini adalah untuk mengukur niat pemberian alumni kepada universiti awam Malaysia dengan mengintegrasikan teori pertukaran sosial dan teori tingkah laku terancang.

1.2 Pernyataan Masalah

Alumni merupakan duta kepada universiti yang memahami situasi institusi dan berupaya menawarkan sokongan dari segi masa, harta serta bakat mereka (Chase, 2021; Vanderbout, 2010). Penglibatan alumni sebagai saluran sumber pendapatan alternatif amat diperlukan memandangkan bilangan graduan yang tamat pengajian meningkat setiap tahun. Walaupun sumbangan alumni merupakan sumber pendapatan yang dapat membantu kewangan universiti (Baruch & Sang, 2012), namun, sebilangan besar alumni tidak menyumbang semula kepada alma mater setelah tamat pengajian (Kaplan, 2007; Lertputtarak & Supitchayangkool, 2014). Tidak seperti di Malaysia, kebanyakan universiti awam di barat bergantung kepada sumbangan daripada alumni dan badan korporat untuk menjalankan operasi harian (Rosinger et al., 2016; Metawie & Mostafa, 2015; Sutton Trust, 2014).

Penglibatan alumni bersama universiti di Malaysia bergantung kepada beberapa faktor iaitu faktor sosio-ekonomi, faktor kemudahan yang disediakan oleh universiti

dan kualiti akademik (Muhammad, 2017). Selain itu, faktor lain berkaitan seperti pengurusan kewangan, personaliti diri serta bentuk aktiviti yang dilaksanakan oleh universiti (Muhammad et al., 2014). Oleh itu, pusat alumni dan persatuan alumni universiti memainkan peranan utama dalam mengekalkan keterlibatan alumni dengan alma mater mereka (Kamaruddin & Hussain, 2021). Kajian pengesanan graduan yang dijalankan oleh KPT bagi tahun 2022 menunjukkan sejumlah 133,940 orang daripada 295,793 orang alumni telah menamatkan pengajian mereka di universiti awam Malaysia. Di Malaysia, kesedaran terhadap niat tingkah laku penderma adalah masih rendah iaitu sesuatu tingkah laku wujud apabila terdapat korelasi yang tinggi antara niat dengan tingkah laku sebenar (Rejab, 2014; Kashif et al., 2015).

Meskipun topik niat tingkah laku penderma menarik perhatian ramai pengkaji lepas (Hoyt, 2004; Cohen, 2006; Verhaert & van den Poel, 2011; Phoon, 2017; Shaari et al., 2019a; Harvard, 2019), namun kajian ini kurang dibincangkan daripada perspektif negara ini. Pengkaji memilih untuk mengkaji mengenai niat pemberian alumni adalah berdasarkan beberapa permasalahan berkaitan pemberian alumni.

Pertama, perbelanjaan universiti semakin bertambah didorong oleh ketidaktentuan ekonomi, kenaikan gaji, kos infrastruktur terkini, peningkatan harga barangan, peningkatan kos pendidikan, tindak balas perlahan terhadap tekanan kos dan sebagainya (Chase, 2021; Deloitte, 2018). Meskipun pembiayaan Kerajaan kekal menjadi sumber pendapatan tunggal terbesar bagi pendidikan tinggi di kebanyakan negara (OECD, 2020; Singh, 2014), namun disebabkan pembiayaan Kerajaan yang semakin berkurangan, sumbangan orang ramai sangat membantu bagi menyokong institusi yang memerlukan seperti universiti awam (UNESCO, 2022b; Kashif et al., 2015). Pengurangan peruntukan oleh Kerajaan menyebabkan universiti perlu mencari

inisiatif lain bagi mendapatkan dana pembiayaan universiti untuk terus beroperasi dan bersaing di pasaran yang sangat kompetitif bagi memberikan perkhidmatan akademik yang cemerlang kepada masyarakat. Adalah penting untuk pihak Kerajaan dan pengurusan universiti awam memahami kesediaan alumni untuk memberi sumbangan kepada alma mater sebagai satu kaedah pendanaan alternatif untuk mengukuhkan kelestarian kewangan universiti awam dalam jangka masa panjang selaras dengan PPPM(PT) (2015-2025) oleh KPT.

Kedua, kajian mengenai alumni universiti awam dalam konteks Malaysia adalah terhad kerana kebanyakan kajian dijalankan oleh negara barat seperti United Kingdom (Belfield & Beney, 2000) dan United States (Harvard, 2019). Meskipun para penyelidik mula menjalankan kajian mengenai niat tingkah laku penderma sedekad lalu, namun, hasil penemuan dalam bidang ini masih tidak jelas (Phoon, 2017). Kajian lepas mengenal pasti banyak faktor peramal berkaitan tingkah laku penderma (Smith & McSweeney, 2007; Verhaert & van den Poel, 2011; Metawie & Mostafa, 2015; Kashif et al., 2015; Sura et al., 2017; Pérez y Pérez & Egea, 2019; Shaari et al., 2019c). Berdasarkan literatur, penemuan faktor peramal dikategorikan kepada faktor individu, faktor interpersonal dan faktor organisasi (Cohen, 2006; Sargeant & Lee, 2004; Tohidia & Mosakhani, 2010; Eckel et al., 2017; Baruch & Sang, 2012; Sura et al., 2017).

Kajian mengenai niat tingkah laku penderma adalah kurang daripada perspektif negara ini (Ho, 2012; Kashif et al., 2015). Mohd Isa et al. (2016) menyatakan bahawa setakat ini tiada kajian mengenai faktor-faktor yang mempengaruhi pemberian oleh individu kepada universiti di Malaysia, manakala Noor et al. (2015) mendapati pemahaman mengenai ciri-ciri penderma individu di Malaysia adalah terhad. Universiti perlu memahami sikap, sifat dan tingkah laku mahasiswa ketika mereka masih berada

di kampus kerana sokongan mereka pada masa hadapan adalah sangat penting (Brittingham, 2000). Ho (2012) berpendapat, untuk menjana dana awam, institusi perlu memahami niat dan tingkah laku penyumbang terlebih dahulu. Namun, usaha untuk memahami perilaku penyumbang dan niat khusus penderma tidak dititikberatkan oleh institusi pengajian tinggi (Knowles et al., 2012). Oleh itu, kajian ini akan memfokuskan mengenai niat yang merupakan faktor peramal kepada tingkah laku sebenar (Ajzen, 1991).

Kajian ini akan meneroka lebih terperinci komponen dalam teori pertukaran sosial (pengalaman pelajar dan reputasi institusi) dan teori tingkah laku terancang (sikap, norma subjektif dan memudahkan keadaan) dalam memahami lebih lanjut kepercayaan-sikap-niat penderma alumni memberi sumbangan kepada universiti awam di Malaysia. Kepercayaan tingkah laku akan diukur menerusi pengalaman pelajar dan reputasi institusi. Sikap dalam kajian ini merujuk kepada sikap terhadap pemberian, manakala persepsi kawalan tingkah laku diukur dengan pemboleh ubah memudahkan keadaan. Selain itu, untuk mengetahui sama ada faktor keupayaan kewangan mampu mempengaruhi sikap terhadap pemberian, norma subjektif dan niat pemberian alumni, kajian ini cuba untuk mengintegrasikan keupayaan kewangan sebagai penyederhana dalam model teori lanjutan tingkah laku terancang.

Alumni yang berpuas hati dengan alma mater mereka akan memberi semula kepada institusi tersebut (Clotfelter, 2001; Hunter et al., 1999; Sun et al., 2007; Wastyn, 2009). Pengalaman pelajar bukan semata-mata dengan menyediakan pelajar untuk kehidupan kampus tetapi juga tentang penyampaian pengalaman pembelajaran yang dapat membantu kejayaan pelajar (Chase, 2021). Pengalaman yang dilalui sebagai pelajar sewaktu di kampus sama ada baik atau buruk akan mempengaruhi sikap positif

atau negatif alumni untuk memberi semula dari segi kewangan atau bukan kewangan kepada universiti (Saraih et al., 2018; Sun, 2005; Thomas, 2005).

Selain itu, salah satu faktor yang mempengaruhi keputusan alumni untuk memberi semula kepada alma mater mereka ialah reputasi institusi dan misi organisasi (Lindahl, 2010). Kajian lepas mendapati kecenderungan untuk memberi oleh alumni menurun ekoran prestasi pengurusan yang tidak mencapai matlamat dan objektif penubuhan institusi (Diamond & Kashyap, 1997). Perkara ini akan mempengaruhi kepercayaan alumni terhadap prestasi alma mater mereka dan seterusnya mengubah sikap untuk memberi mereka menjadi negatif. Selain itu, alumni juga berpandangan bantuan kewangan yang bakal mereka berikan tidak akan mendatangkan sebarang faedah kerana pihak pengurusan universiti tidak berupaya menaikkan reputasi institusi universiti seperti diharapkan.

Sikap terhadap tingkah laku merupakan penentu utama yang mendorong alumni untuk menyumbang (Morgan, 2014) kerana sikap adalah faktor peramal terpenting dalam menentukan niat tingkah laku (Ajzen, 1991; Lim & Dubinsky, 2005; Ke, 2018). Kajian ini memfokuskan sikap terhadap pemberian kerana berdasarkan teori tingkah laku terancang, sikap merupakan perasaan positif atau negatif alumni dalam menyumbang kembali kepada institusi pengajian tinggi mereka. Tambahan pula, Weerts dan Ronca (2007) mendapati bahawa alumni berpandangan universiti merupakan komoditi dan bukannya badan amal yang memerlukan bantuan bekas pelajarannya. Hal ini dikenal pasti sebagai faktor penyebab mengapa alumni tidak memberi semula kepada alma mater. Oleh yang demikian, adalah penting untuk memahami sikap alumni terhadap pemberian kerana sikap negatif bakal memberi kesan terhadap niat pemberian pada masa hadapan. Namun, kajian terhadap derma kepada

badan amal di Malaysia menunjukkan bahawa sikap gagal menentukan niat tingkah laku penderma (Kashif et al., 2015).

Norma subjektif bertujuan untuk melihat tekanan sosial yang melibatkan rakan sebaya, keluarga dan juga komuniti untuk terlibat dalam melaksanakan niat tingkah laku tersebut (Ajzen, 1991). Kajian lepas menunjukkan hubungan norma subjektif pada niat individu mempunyai keputusan yang bercampur-campur; tiada hubungan signifikan (Metawie & Mostafa, 2015; Awang et al., 2015; Teo & Pok, 2003; Mathieson, 1991), dan mempunyai hubungan signifikan (Mayasari, 2012; Knowles et al., 2012; Muhammad et al., 2014b; Gopi & Ramayah, 2007). Keputusan yang tidak jelas mengenai kesan norma subjektif yang dapat mempengaruhi niat penderma dijadikan asas pemilihan konstruk untuk kajian ini.

Dunia telah melangkah ke era Revolusi Industri 4.0 dengan kebanyakan perkhidmatan yang ditawarkan adalah berbentuk dalam talian. Ini termasuk sumbangan kewangan melalui platform media sosial atau dalam talian yang kini menjadi trend baharu oleh orang ramai. Memudahkan keadaan digunakan untuk mengukur niat tingkah laku penerimaan teknologi oleh pengguna (Venkatesh et al., 2000; Assaker et al., 2020) dan pembiayaan orang ramai dalam talian (Wisesa et al., 2019). Memudahkan keadaan mengenal pasti sama ada seseorang itu yakin bahawa infrastruktur organisasi dan teknikal sedia ada mampu menyokong sesuatu teknologi (Venkatesh et al., 2003). Kajian ini menggunakan memudahkan keadaan sebagai konstruk bagi menggantikan pemboleh ubah persepsi kawalan tingkah laku dalam teori tingkah laku terancang bagi mengenai pasti hubungan antara memudahkan keadaan dengan niat tingkah laku penderma alumni untuk menyumbang.

Ketiga, pengaruh keupayaan kewangan sebagai pemboleh ubah penyederhana masih kurang dibincangkan dalam konteks pemberian alumni. Menurut Faisal (2017), ramai pengkaji yang berminat mengkaji lebih lanjut tentang sama ada keupayaan kewangan penderma akan memberi kesan kepada keputusan mereka untuk memberi sumbangan. Kebanyakan kajian lepas menguji faktor keagamaan sebagai penyederhana dalam kajian berkaitan niat menderma (Teah et al., 2014; Metawie & Mostafa, 2015).

Secara keseluruhannya, pengkaji mendapati bahawa kajian-kajian empirikal hanya membekalkan pengesahan-pengesahan umum dan tidak memadai untuk membantu pengamal memahami secara mendalam faktor niat pemberian alumni dalam hubungan antara alumni dan universiti sekaligus melestarikan kewangan universiti. Justeru, keadaan ini menyukarkan pihak universiti untuk mengambil langkah berkesan dan proaktif bagi memahami faktor-faktor penting niat pemberian alumni. Kesannya, keadaan ini mendorong pengkaji untuk mengisi jurang dan kelompangan kajian literatur yang wujud dengan membuat pengesahan faktor yang mempengaruhi niat pemberian alumni universiti awam di Malaysia.

1.3 Persoalan Kajian

Merujuk kepada pernyataan permasalahan yang diberi, kajian ini bakal menjawab beberapa persoalan kajian seperti di bawah:

1. Adakah pengalaman pelajar secara signifikan mempengaruhi sikap terhadap pemberian?
2. Adakah reputasi institusi secara signifikan mempengaruhi sikap terhadap pemberian?

3. Adakah sikap terhadap pemberian secara signifikan mempengaruhi niat pemberian alumni?
4. Adakah norma subjektif secara signifikan mempengaruhi niat pemberian alumni?
5. Adakah memudahkan keadaan secara signifikan mempengaruhi niat pemberian alumni?
6. Adakah keupayaan kewangan merupakan penyederhana bagi perhubungan antara sikap terhadap pemberian dan niat pemberian alumni?
7. Adakah keupayaan kewangan merupakan penyederhana bagi perhubungan antara norma subjektif dan niat pemberian alumni?

1.4 Objektif Kajian

Matlamat asas kajian ini adalah bagi mengenal pasti hubungan antara faktor kajian tersenarai dengan niat pemberian alumni kepada alma mater mereka. Manakala objektif khusus kajian ini dilakukan bertujuan untuk memberikan jawapan kepada persoalan kajian bagi mencapai objektif berikut:

1. Mengukur hubungan antara pengalaman pelajar dan sikap terhadap pemberian.
2. Mengukur hubungan antara reputasi institusi dan sikap terhadap pemberian.
3. Mengukur hubungan antara sikap terhadap pemberian dan niat pemberian alumni.
4. Mengukur hubungan antara norma subjektif dan niat pemberian alumni.
5. Mengukur hubungan antara memudahkan keadaan dan niat pemberian alumni.
6. Mengukur peranan keupayaan kewangan sebagai pemboleh ubah penyederhana dalam perhubungan antara sikap terhadap pemberian dan niat pemberian alumni.

7. Mengukur peranan keupayaan kewangan sebagai pemboleh ubah penyederhana dalam perhubungan antara norma subjektif dan niat pemberian alumni.

1.5 Kepentingan Kajian

Fokus utama kajian ini adalah untuk mengkaji hubungan antara faktor yang mempengaruhi niat pemberian alumni kepada universiti awam Malaysia. Memandangkan kurang kajian mengenai niat pemberian alumni kepada universiti awam terutamanya dalam konteks Malaysia, kajian ini akan memberi sumbangan kepada dua sudut iaitu kepentingan teoretikal dan kepentingan praktikal.

1.5.1 Kepentingan Teoretikal

Secara teoritikal, kajian ini bertujuan untuk meluaskan literatur teori lanjutan tingkah laku terancang dengan mengintegrasikan dua teori iaitu teori tingkah laku terancang dan teori pertukaran sosial untuk menentukan hubungan antara faktor seperti pengalaman pelajar, reputasi institusi, sikap terhadap pemberian, norma subjektif dan memudahkan keadaan ke atas niat pemberian alumni dalam konteks Malaysia.

Teori tingkah laku terancang menegaskan tingkah laku manusia dipengaruhi oleh tiga konstruk iaitu sikap, norma subjektif dan persepsi kawalan tingkah laku dan sebarang tingkah laku yang dilakukan adalah dipengaruhi atau dimulakan oleh niat seseorang (Azjen, 1985; Azjen, 1991). Model teori tingkah laku terancang asal dibina dengan tiga peramal yang iaitu; sikap terhadap tingkah laku, norma subjektif dan persepsi kawalan tingkah laku terhadap niat menderma. Manakala teori pertukaran sosial pula menjelaskan bahawa terdapat hubungan timbal balik dalam perhubungan sosial iaitu seseorang yang menerima manfaat, keuntungan atau faedah akan menimbal balik faedah tersebut dalam bentuk lain. Dalam konteks kajian ini, alumni akan

menimbal balik faedah yang diterima daripada alma mater dalam bentuk sumbangan kepada universiti dengan merancang perlakuan mereka pada masa akan datang. Sebagai contoh, alumni yang menerima faktor-faktor niat pemberian yang mencukupi daripada universiti akan menimbal balik apa yang diterima dan merancang sikap dan niat untuk memberi kepada alma mater.

Integrasi kedua-dua teori ini menghasilkan teori lanjutan tingkah laku terancang dengan pemboleh ubah pengalaman pelajar, reputasi institusi, memudahkan keadaan dan keupayaan kewangan yang merupakan peramal baharu yang disatukan pada teori tingkah laku terancang asal dan dijadikan konstruk baharu dalam teori lanjutan tingkah laku terancang bagi menambah pengetahuan sedia ada.

Walaupun terdapat pelbagai faktor telah dikaji mengenai niat tingkah laku penderma alumni, namun, tiada kajian yang mengkaji enam faktor ini; pengalaman pelajar, reputasi institusi, sikap terhadap pemberian, norma subjektif, memudahkan keadaan dan keupayaan kewangan. Selain itu, keupayaan kewangan yang bertindak sebagai pemboleh ubah penyederhana yang mempengaruhi pemboleh ubah bebas (sikap terhadap pemberian dan norma subjektif) dan pemboleh ubah bersandar (niat pemberian alumni) akan memberi nilai tambah dalam teori literatur kajian sumbangan alumni. Kajian ini dibuat untuk merapatkan jurang dalam mengkaji hubungan antara niat tingkah laku pemberian alumni dengan enam faktor (pengalaman pelajar, reputasi institusi, sikap terhadap pemberian, norma subjektif, memudahkan keadaan dan keupayaan kewangan) yang telah diuji oleh pengkaji terdahulu. Meskipun begitu, kajian terdahulu menguji faktor-faktor tersebut secara berasingan bersandarkan kepada satu teori, manakala kajian ini menguji enam faktor niat pemberian alumni secara sekali gus berdasarkan gabungan dua teori iaitu teori tingkah laku terancang dan teori pertukaran

sosial. Kajian ini juga diharap dapat menyokong teori lanjutan tingkah laku terancang untuk memahami niat tingkah laku pemberian alumni kepada alma mater mereka khususnya dalam konteks Malaysia.

1.5.2 Kepentingan Praktikal

Secara praktikal, hasil kajian ini penting atas beberapa sebab iaitu berkaitan dengan pembiayaan oleh Kerajaan, mempelbagaikan pendapatan oleh universiti melalui sumber sedia ada (alumni) dan usaha pengurusan universiti untuk memahami niat tingkah laku alumni serta faktor-faktor penyumbang terhadap niat tingkah laku tersebut. Melalui penemuan kajian ini, pihak pengurusan tertinggi universiti dapat merangka strategi dan mencari kaedah terbaik untuk meningkatkan sumbangan serta penglibatan alumni pada masa hadapan. Pemberian alumni bukan sahaja dapat membantu universiti dari segi kewangan, tetapi pada masa yang sama dapat meningkatkan reputasi, imej dan kualiti alma mater mereka.

Matlamat utama kajian ini ialah untuk membantu pihak universiti mengurangkan tahap kebergantungan mereka kepada Kerajaan bagi memastikan institusi pendidikan tinggi di negara mampu berdikari dalam mendepani keadaan kewangan yang semakin mencabar. Kajian ini juga diharap dapat memberi gambaran yang lebih baik berkaitan potensi sumber kewangan daripada alumni sebagai salah satu jenis sumber pendapatan alternatif kepada universiti dan seterusnya membantu meningkatkan kesedaran kepada pengurusan tertinggi universiti dan Kerajaan tentang kepentingan alumni dalam penajaan sumber dalaman universiti.

Akhir sekali, diharapkan penemuan penyelidikan ini dapat memberi sumbangan yang berharga kepada pihak Kerajaan, pengurusan universiti, ahli akademik dan

penyelidik dalam bidang berkaitan untuk memahami niat tingkah laku alumni dan faktor-faktor penyumbang terhadap niat tingkah laku tersebut.

1.6 Skop Kajian

Dalam usaha mencapai semua objektif kajian, skop kajian adalah sangat penting. Skop kajian ini akan memfokuskan perkara-perkara seperti berikut:

1. Kajian ini merupakan kajian individu berkaitan dengan penentuan hubungan antara faktor yang mempengaruhi niat pemberian alumni kepada universiti awam di Malaysia.
2. Populasi dan sampel responden kajian hanya disasarkan kepada alumni yang telah tamat pengajian di universiti awam Malaysia dan tidak pernah memberi sumbangan kepada alma mater mereka.

1.7 Definisi Istilah dan Operasi

Dua belas istilah utama akan digunakan dalam penyelidikan ini. Berikut adalah definisi istilah bagi pemboleh ubah yang dikaji dalam penyelidikan ini:

1.7.1 Niat Pemberian Alumni

Niat bermaksud bertujuan atau menjanjikan untuk melakukan sesuatu (Kamus Dewan, 2023). Manakala pemberian alumni merupakan pemberian dalam bentuk kewangan dan bukan kewangan (Saraeh et al., 2018). Niat pemberian alumni ialah pemberian dalam bentuk kewangan dan bukan kewangan yang dijanjikan atau yang ditujukan oleh alumni kepada universiti.

1.7.2 Pengalaman Pelajar

Pengalaman pelajar bermakna tahap kepuasan, penglibatan dan hubungan mereka dengan universiti pada masa hadapan (Skari, 2014).

1.7.3 Reputasi Institusi

Reputasi institusi merujuk kepada pandangan penyumbang terhadap pencapaian semasa universiti (Muhammad et al., 2015) dan reputasi universiti (Shaari et al., 2019a).

1.7.4 Sikap Terhadap Pemberian

Sikap terhadap pemberian merujuk kepada potensi sumbangan kewangan secara sukarela oleh individu dalam menyokong sesebuah institusi (Guild, 2018).

1.7.5 Norma Subjektif

Norma subjektif bermaksud tekanan sosial yang dirasakan daripada orang sekeliling yang akan mempengaruhi keputusan untuk melaksanakan sesuatu tindakan atau terlibat dalam tingkah laku (Mat Daud et al., 2022).

1.7.6 Memudahkan Keadaan

Memudahkan keadaan ialah tahap keyakinan seseorang terhadap ketersediaan infrastruktur teknikal dan organisasi dalam menyokong penggunaan sistem baharu (Verina, R. A., R, Wahjoe. A., & Hanifatul, A., 2020).

1.7.7 Keupayaan Kewangan

Keupayaan kewangan memanfaatkan motivasi berdasarkan keupayaan kewangan individu untuk memberi sumbangan kepada badan organisasi untuk kebaikan bersama berdasarkan peningkatan tahap pendapatan individu (Green & Webb, 2020).

1.8 Struktur Tesis

Kajian ini akan dibahagikan kepada enam bab iaitu pengenalan, gambaran keseluruhan universiti awam Malaysia dan sorotan kajian, kerangka teoretikal dan pembangunan hipotesis, metodologi, analisis data, rumusan, perbincangan dan cadangan. Jadual 1.2 menunjukkan skema struktur tesis setiap bab seperti berikut:

Jadual 1.2 Struktur Tesis

BAB 1 Pengenalan
BAB 2 Gambaran Keseluruhan Universiti Awam Malaysia dan Sorotan Kajian
BAB 3 Kerangka Teoretikal dan Pembangunan Hipotesis
BAB 4 Metodologi
BAB 5 Analisis
BAB 6 Rumusan, Perbincangan dan Cadangan

Bab 1 memperkenalkan isu berkaitan topik yang dikaji dan menjelaskan idea asas penyelidikan secara menyeluruh. Bab ini merangkumi latar belakang penyelidikan, pernyataan masalah, objektif kajian, persoalan kajian dan kepentingan kajian. Di

samping itu, bab 1 juga akan merangkumi skop kajian, definisi istilah struktur tesis dan diakhiri dengan kesimpulan.

Bab 2 dimulakan dengan memberi gambaran keseluruhan universiti awam Malaysia, mengkaji sorotan kajian relevan secara kritis, menyemak teori yang digunakan pada kajian lepas berkaitan pemberian alumni secara teoretikal, menjalankan kajian berkaitan niat tingkah laku alumni, mempertimbangkan teori yang bersesuaian dengan kajian ini dan memasukkan konstruk penting dalam kerangka yang dicadangkan dan diakhiri dengan kesimpulan.

Bab 3 akan memperincikan teori yang akan mendasari kajian ini, penerangan mengenai pemilihan pemboleh ubah kajian, mencadangkan kerangka teoretikal kajian dan pembangunan hipotesis dan diakhiri dengan kesimpulan.

Bab 4 atau metodologi kajian bakal menjelaskan reka bentuk penyelidikan, reka bentuk sampel kajian, pembangunan instrumen kajian dan metode pengumpulan data. Teknik analisis statistik menggunakan perisian IBM SPSS dan SmartPLS akan dibincangkan dalam bab ini juga. Seterusnya, cara pengujian hipotesis akan diketengahkan dan diakhiri dengan kesimpulan.

Bab 5 akan membentangkan keputusan dan analisis kaji selidik serta analisis data. Bab ini bermula dengan pengenalan dan diikuti dengan deskriptif umum untuk profil responden. Sub seksyen seterusnya akan membentangkan hasil PLS dengan menggunakan perisian SmartPLS berdasarkan model pengukuran dan model struktur sebelum diakhiri oleh kesimpulan bab.

Bab 6 merumuskan tentang persoalan dan penemuan kajian, perbincangan tentang analisis output, sumbangan kajian daripada sudut teoretikal, praktikal dan

polisi, batasan kajian dan cadangan untuk kajian lanjutan. Akhir sekali, bab ini diakhiri dengan kesimpulan.

1.9 Kesimpulan

Bab ini memberikan penjelasan secara umum berkenaan masalah dan cabaran yang dihadapi oleh universiti awam di kebanyakan tempat di dunia disebabkan oleh pengurangan peruntukan tahunan oleh Kerajaan Persekutuan kepada sektor pendidikan tinggi. Penjanaan pendapatan melalui sumber lain merupakan satu kemestian bagi universiti awam agar dapat terus beroperasi. Sumbangan alumni akan diselidik dalam kajian ini sebagai sumber berpotensi untuk menambah pendapatan universiti. Oleh itu, kajian ini memberi gambaran ringkas mengenai keadaan semasa pembiayaan Kerajaan dan niat pemberian alumni di Malaysia.

Bab ini turut memberikan gambaran keseluruhan aspek penting dalam penyelidikan dengan menggariskan skop dan signifikan kajian. Bab ini juga secara ringkas akan menjawab persoalan dan objektif kajian yang telah dikenal pasti sebagai panduan kepada penyelidikan yang bakal dijalankan. Akhir sekali, bab ini diakhiri dengan struktur dan kesimpulan.

Bab 2 akan membentangkan sorotan kajian yang merujuk kepada kajian lepas berkaitan pemberian alumni secara umum dan dalam konteks Malaysia serta faktor-faktor yang mempengaruhi niat tingkah laku alumni dalam membuat keputusan untuk memberi semula kepada alma mater mereka.

BAB 2

GAMBARAN KESELURUHAN UNIVERSITI AWAM MALAYSIA DAN SOROTAN KAJIAN

2.1 Pengenalan


Bab 1 telah menjelaskan berkenaan latar belakang kajian iaitu berhubung permasalahan kajian, persoalan kajian, objektif kajian, kepentingan serta skop kajian. Seterusnya bab 2 ini akan membincangkan tentang gambaran mengenai universiti awam Malaysia termasuk hal berkenaan pembiayaan universiti awam. Bab ini juga akan membincangkan tentang kedermawanan dalam konteks Malaysia, sejarah awal pemberian alumni dan juga kajian lepas berkaitan pemberian alumni dalam konteks Malaysia. Bab ini turut membincangkan teori yang digunakan dalam kajian lepas berkaitan dengan pemberian alumni secara teoretikal.

2.2 Sejarah dan Perkembangan Universiti Awam di Malaysia

Badan Berkanun Persekutuan (BBP) ditubuhkan di bawah Akta Parlimen sebagai satu badan korporat yang melaksanakan polisi Kerajaan (Akta 240 1980; Perbendaharaan 2021; Othman et al. 2022). Pengurusan autonomi BBP memastikan institusi ini dapat memfokuskan kepada matlamat penubuhannya, fleksibel dan kurang kerenah birokrasi. Saiznya yang lebih kecil memudahkan proses penilaian serta akauntabiliti kerana sumber kewangan BBP ini dikhaskan untuk entiti tersendiri (Othman et al. 2022). BBP merupakan antara komponen yang terpenting dalam struktur pentadbiran Kerajaan yang wujud sejak merdeka dan membantu dalam menyediakan pendidikan, menyusun semula masyarakat, membangunkan kawasan dan sebagainya. Bidang kuasa BBP adalah tertakluk kepada akta tubuh masing-masing.

Seperti BBP lain, universiti awam merupakan salah satu BBP yang turut ditubuhkan berdasarkan akta tubuh dengan objektif untuk melaksanakan tugas dan tanggungjawab tertentu berdasarkan objektif Kerajaan. Universiti awam di Malaysia dikawal selia oleh KPT. Universiti di Malaysia terbahagi kepada dua jenis iaitu universiti swasta yang kosnya ditanggung pihak swasta dan universiti awam yang kosnya ditanggung Kerajaan. Universiti awam di Malaysia dibiayai oleh Kerajaan Persekutuan dan bertindak sebagai institusi yang dikendalikan sendiri di bawah Akta Kolej Universiti 1971 [Akta 30] (dipinda pada 2009), manakala universiti swasta dan kolej universiti beroperasi di bawah Akta Institusi Pendidikan Swasta 1996 (Ismail et al. 2019). Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 [Akta 30] telah digubal dengan tujuan menyediakan kerangka perundangan untuk menubuh, mentadbir dan menyelenggara universiti dan kolej universiti awam di Malaysia (Ismail et al., 2019).

Sehingga tahun 2021 terdapat 20 buah universiti awam, 437 buah universiti swasta, 36 buah politeknik dan 104 buah kolej komuniti di negara ini (Kementerian Pendidikan Tinggi, 2021). 20 buah universiti awam ini dipecahkan pula kepada tiga jenis kluster iaitu universiti penyelidikan, universiti komprehensif dan universiti berfokus. Dalam kes Malaysia, terdapat lima buah universiti penyelidikan, empat buah universiti komprehensif dan sebelas buah universiti berfokus (Kementerian Pendidikan Tinggi, 2021). Penubuhan banyak universiti swasta sekali gus memberi saingan kepada universiti awam. Rajah 2.1 menunjukkan kedudukan lokasi universiti awam Malaysia.



Rajah 2.1 Kedudukan Lokasi Universiti Awam Malaysia

Seperti pendidikan rendah, Kerajaan juga bertanggungjawab menyediakan dasar, pelan tindakan, mempromosi serta membayar operasi harian universiti awam. Kerajaan telah mengambil inisiatif untuk menyusun semula sistem pendidikan tinggi negara semasa belanjawan 2008 (Foong, 2008). Terkini, Kerajaan melalui Pekeliling Perbendaharaan Malaysia Garis Panduan Penjimatan Perbelanjaan Awam (2022) menegaskan bahawa jabatan, agensi, badan berkanun termasuklah universiti awam dibawah seliaan Kerajaan untuk melaksanakan langkah penjimatan pengurusan dan menggunakan peruntukan sedia ada untuk menampung sebarang perbelanjaan program atau aktiviti.

Untuk memperkasakan pendidikan tinggi negara, KPT telah merangka dan seterusnya melancarkan dua pelan strategik yang akan dijadikan panduan untuk semua unviersiti awam. Pelan pertama ialah Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN) yang dilancarkan pada 2007 (Kementerian Pendidikan Tinggi, 2007). Salah satu perancangan dalam PSPTN ialah memberikan kuasa autonomi dalam bidang